

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 1

- (a) Sesebuah perniagaan perlu menyediakan penyata kewangan pada tarikh yang sama pada setiap tahun.
- (i) Berdasarkan pernyataan di atas, perihalkan prinsip perakaunan yang diterima umum. (1)
 - (ii) Perihalkan dua kepentingan menyediakan penyata kewangan pada tarikh yang sama pada setiap tahun. (2)
- (b) Pemilik sebuah perniagaan telah menggunakan satu cek perniagaan untuk membayar insurans peribadi dan insurans perniagaannya. Dengan merujuk kepada prinsip perakaunan yang diterima umum dan yang berkaitan, perihalkan bagaimana urus niaga ini perlu direkodkan. (2)
- (c) Nyatakan dua kesilapan perekodan yang tidak menjejaskan keseimbangan bagi imbalan duga. (2)
- (d) Pada 1 April 2018, Cik Murni telah menubuhkan sebuah agensi pelancongan. Urus niaga yang dijalankan oleh agensi itu dalam bulan April 2018 adalah seperti yang berikut:
- (1) Melabur sebanyak RM50,000 secara tunai ke dalam agensi untuk memulakan perniagaan.
 - (2) Membayar sebanyak RM1,000 secara tunai untuk sewa pejabat bagi bulan April.
 - (3) Membeli peralatan pejabat berjumlah RM2,500. Bayaran dijelaskan secara tunai sebanyak RM1,000 dan bakinya dibayar secara ansuran.
 - (4) Membayar belanja pengiklanan sebanyak RM550 secara tunai.
 - (5) Menerima sebanyak RM5,000 secara tunai daripada pelanggan bagi bayaran perkhidmatan yang telah disempurnakan.
 - (6) Membayar kos percetakan brosur sebanyak RM400 secara tunai.
 - (7) Membayar separuh daripada baki bayaran ansuran peralatan pejabat.
 - (8) Menerima sebanyak RM15,000 secara tunai daripada pelanggan sebagai tempahan pakej pelancongan untuk lawatan dalam bulan Jun.
 - (9) Mengeluarkan invois kepada pelanggan sebanyak RM5,200 bagi perkhidmatan yang telah sempurnakan.
 - (10) Membuat pelaburan tambahan ke dalam perniagaan sebanyak RM6,000 secara tunai.
 - (11) Membayar bil utiliti bagi bulan April sebanyak RM320.
 - (12) Membayar gaji pekerja sebanyak RM1,600.
 - (13) Membayar insurans kenderaan peribadi sebanyak RM800.

Dikehendaki :

Sediakan catatan urus niaga di atas dengan mengikut format yang diberikan di bawah. Tunjukkan setiap catatan sama ada menambah atau mengurang bagi aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik.

Aset		Liabiliti		Ekuiti pemilik	
Akaun ?	Akaun?	Akaun?	Akaun?	Akaun?	Akaun?

(13)